

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96**

April 1996

FEK 101 - Drug Di Dalam Negara Membangun

Masa: 2 jam

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 4 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

1. (A) Berikan definisi bagi terminologi-terminologi berikut:

penilaian farmakoekonomi (pharmacoeconomic analysis)
penilaian kos-pengurangan (cost-minimization analysis)
penilaian kos-utiliti (cost-utility analysis)
penilaian kos-faedah (cost-benefit analysis)
penilaian kos-keberkesanan (cost-effectiveness analysis)

(10 markah)

- (B) Tulis nota ringkas tentang kebaikan mengadakan Dasar Drug Negara.

(10 markah)

2. (A) Berikan objektif utama bagi kriteria etika promosi ubat-ubatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (ethical criteria for medicinal drug promotion).

(2 markah)

- (B) Senaraikan lima (5) syarat (utama) yang dikenakan ke atas jurujual atau wakil jualan syarikat farmaseutikal bagi memenuhi piawaian kriteria etika promosi ini.

(5 markah)

- (C) Para doktor, ahli farmasi dan jururawat boleh mendapatkan maklumat mengenai ubat-ubatan dari berbagai sumber penting. Senaraikan 10 sumber maklumat tersebut.

(5 markah)

.....3/-

(FEK 101)

2. (D) Berikan definisi perkataan "promosi".
(2 markah)
- (E) Pada pendapat anda mengapakah syarikat-syarikat industri farmaseutikal menggunakan mekanisme-mekanisme baru untuk promosi dan dalam penyebaran maklumat ubat-ubatan.
(6 markah)
3. (A) Senaraikan sebab-sebab mengapa kebanyakan negara-negara sedang membangun mengawal lokasi kedai-kedai farmasi komuniti.
(4 markah)
- (B) Penjualan barangan-barangan yang tidak berkaitan dengan kesihatan, khususnya rokok sering boleh dilihat dalam kedai-kedai farmasi komuniti, terutamanya di Amerika Syarikat. Ia bertujuan untuk meningkatkan perniagaan tetapi fenomena ini sering diperdebatkan. Pada pendapat anda apakah implikasi pandangan masyarakat terhadap profesion farmasi.
(6 markah)
- (C) Senaraikan perbezaan dan persamaan di antara kaedah penilaian kos-faedah dengan penilaian kos-keberkesanan.
(10 markah)

.....4/-

(FEK 101)

4. Bincangkan tiga (3) senario yang boleh diperhatikan di negara membangun berkaitan dengan ubat-ubatan.

Jelaskan juga bagaimana keadaan ini dapat diperbaiki. Beri contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)

5. (A) Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengujudkan "senarai ubat-ubatan esensial" bagi kegunaan negara-negara membangun. Terangkan rasional pengujudkan senarai ini dan terangkan kriteria pemilihannya.

(10 markah)

- (B) Bagi memastikan ubat-ubatan digunakan pada tahap yang optima, satu konsep yang dinamakan "Penggunaan Drug Secara Rasional" telah diperkenalkan. Huraikan maksud konsep ini.

(10 markah)

6. Bincangkan secara ringkas perkara-perkara yang tersebut di bawah:

- (A) "Drug Dumping" di negara ketiga.
- (B) Rasional mempreskripsi ubat menggunakan nama generik.
- (C) "Kefaurer-Harris Ammendments".
- (D) Skandal Penjualan "Halcion".

(20 markah)

oooOOOooo